

# Pangkalan TLDM Teluk Sepanggar paling strategik

UM- 12/6/2007

KOTA KINABALU 11 Jun - Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Teluk Sepanggar, dekat sini bakal muncul sebagai pangkalan tentera paling strategik kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ini kerana pangkalan yang akan menempatkan dua buah kapal selam Scorpene itu bukan sahaja berada pada lokasi yang sesuai tetapi juga dilengkapi dengan kemudahan paling moden dan canggih.

Menurut beliau, pada masa ini kerja-kerja pembinaan infrastruktur sebagai perediaan menerima dua buah kapal selam tersebut berjalan lancar dan dijangka siap sepenuhnya pertengahan tahun 2009.

"Pangkalan ini akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk pangkalan udara bagi menempatkan heli-

kopter, kapal perang permukaan serta boleh menerima kunjungan kapal asing besar termasuk kapal pembawa pesawat perang.

"Oleh kerana pangkalan ini amat sesuai secara semula jadi, ia boleh digunakan semaksimum mungkin," katanya kepada pemberita semasa lawatan kerja ke Pangkalan TLDM Teluk Sepanggar, dekat sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman; Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal; Panglima TLDM, Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali dan Panglima Wilayah Laut II, Laksamana Muda Datuk Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin.

Najib berkata, apabila beroperasi sepenuhnya kelak, pangkalan itu akan menempatkan 2,000 hingga 2,500 anggota dan ditambah dengan bilangan ahli ke-

luarga, bilangan warga pasukan itu sekitar 6,000 orang.

Tambah beliau, dengan perbelanjaan pembinaan kira-kira RM660 juta ditambah dengan RM300 juta bagi melengkapkannya dengan kemudahan moden dan peralatan terkini, pangkalan tersebut turut mampu memberi faedah kepada masyarakat setempat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, masyarakat awam turut boleh memanfaatkan kemudahan kompleks sukan di pangkalan tersebut untuk latihan termasuk penggunaan kolam renang dan pusat latihan menembak elektronik.

Malah katanya, dengan keupayaan menyediakan kemudahan bagi kunjungan kapal-kapal besar asing di pangkalan tersebut yang singgah untuk berehat, ia turut menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan di Kota Kinabalu.